Ghazwah Badar Al-Kubra

Peristiwa & Ibrahnya

Muhammad Aiman Ghazali Al-Payungi

Jadual Transliterasi

Arab	Latin
أ\ا\ء	’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ

Arab	Latin
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	`
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
و	w
ي	y

Vokal Panjang	
آ	Ā/ā
وْ	Ū/ū
يْ	Ī/ī

Vokal Pendek	
ـَـ	a
ـُـ	u
ـِـ	i

Terbitan edisi e-book, April 2020

Pihak penerbit memohon ampun kepada Allah ﷻ dan maaf kepada sidang pembaca atas seberang kelemahan yang terkandung di dalam tulisan ini. Sebarang pembetulan atau cadangan adalah dialu-alukan dan boleh dihantar ke alamat e-mel:
muhammadaljitrawiy@gmail.com

Ghazwah Badar Al-Kubrā

Ia berlaku pada 17 Ramaḍān tahun ke-2 Hijrah. Ia bermula apabila Rasūlullāh ﷺ mempelawa para Ṣaḥābat Baginda untuk menyekat kafilah dagang Quraysh yang pulang dari Shām ke Makkah. Misi asal sekatan itu bukannya dengan tujuan peperangan. Walau bagaimanapun, kafilah yang diketuai oleh Abū Sufyān tersebut telah terselamat daripada sekatan orang Islām. Namun, Abū Sufyān sebelum itu telah mengutuskan utusan kepada Quraysh untuk keluar melindungi kafilahnya.

Rentetan permintaan tersebut, Quraysh telah keluar dengan bilangan kira-kira 1,000 orang tentera. Antaranya 600 orang tentera berbaju perisai, 100 ekor kuda yang dipakaikan 100 baju perisai. Ini tidak termasuk baju perisai tentera pejalan kaki dan 700 ekor unta. Mereka turut membawa penyanyi-penyanyi perempuan yang memukul gendang dan menyanyi bagi mengutuk dan menghina umat Islām.

Sementara itu, bilangan orang Islām pula seramai 313 atau 314 orang. Kebanyakan mereka daripada golongan Anṣār. Mereka membawa 70 ekor unta dan dua atau tiga ekor kuda sahaja. Mereka bergilir-gilir dalam kumpulan kecil menaiki unta tersebut dari satu masa ke satu masa. Sebelum Rasūlullāh ﷺ memasuki pertempuran, Baginda ingin mengambil pandangan para Ṣaḥābatnya, khususnya kaum Anṣār.

Baginda ingin mengambil pandangan mereka untuk terlibat dalam peperangan. Kaum Muhājirīn telah mencadangkan kepada Baginda untuk terlibat dalam peperangan itu. Mereka telah berucap dengan baik. Kemudian Anṣār menyedari Baginda mahukan pandangan mereka. Lantaran itu, Sa`d bin Mu`ādh, ketua Anṣār, berkata kepada Baginda: "Wahai Rasūlullāh, kami telah beriman dengan kamu, membenarkan risalahmu. Kami menyaksikan apa yang kamu bawa adalah benar dan kami telah berikan janji juga ikrar untuk mendengar arahan dan taat kepadamu. Oleh itu, teruskan wahai Rasūlullāh, apa yang kamu mahu. Kami tetap akan bersama kamu. Demi

Tuhan yang mengutuskan kamu membawa kebenaran, kalau kamu bentangkan kepada kami laut ini, nescaya kami akan mengharunginya bersama kamu. Tiada seorangpun daripada kami yang tercicir. Kami tidak benci untuk bertemu dengan musuh kami esok. Kami kaum yang sabar ketika perang dan jujur (tidak belot) ketika bertemu musuh. Semoga Allah membuatkan sesuatu berlaku kepada kalangan kami yang menggembirakan kamu. Berangkatlah bersama kami dengan berkat Allah."

Ṣaḥābat yang lain juga berucap seumpama itu. Rasūlullāh ﷺ merasa gembira dengan jawapan itu, dan bersabda:

Maksudnya: "Berangkatlah kamu dengan berkat Allah. Bergembiralah. Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kepadaku untuk berhadapan dengan salah satu kumpulan; sama ada kafilah dagang ataupun angkatan tentera."

Kemudian Rasūlullāh ﷺ berjalan sehingga sampai ke perigi Badar yang paling hampir, lalu Baginda berhenti di situ. Lantas, al-Ḥubāb bin al-Mundhir bertanya: "Wahai

Rasūlullāh! Adakah tempat ini ditetapkan oleh Allah تَعَالَىٰ kepada kamu di mana kamu tidak boleh terkedepan mahupun terkebelakang? Atau ia merupakan buah fikiran, strategi perang, dan tipu helah?" Rasūlullāh ﷺ menjawab: "Bahkan ia berdasarkan buah fikiran, strategi perang, dan tipu helah."

Maka al-Ḥubāb bin al-Mundhir mencadangkan kepada Baginda agar berpindah ke tempat lain yang lebih strategik dan membolehkan orang Islām menyekat air Badar sampai kepada orang Musyrik. Oleh itu, Rasūlullāh ﷺ dan para Ṣaḥābat Baginda berangkat sehingga mereka sampai ke tempat yang dicadangkan oleh al-Ḥubāb. Mereka kemudiannya berhenti di situ.

Seterusnya, Sa`d bin Mu`ādh mencadangkan agar dibina sebuah khemah untuk Rasūlullāh ﷺ di belakang barisan tentera Islām. Sekiranya Allah memuliakan mereka dengan kemenangan, itulah yang mereka sukai. Jika tewas, Baginda boleh menaiki tunggangannya dan kembali menyertai orang Islām di Madīnah. Sa`d berkata kepada Baginda: "Sebahagian orang Islām tidak hadir bersama

kita, wahai Nabi Allah. Ini bukanlah bererti cinta kami terhadapmu lebih hebat berbanding mereka. Jika mereka tahu kamu akan berperang, nescaya mereka tidak tercicir untuk turut serta bersamamu."

Oleh itu, Nabi ﷺ mendoakan kebaikan untuk Sa`d bin Mu`ādh. Baginda memerintahkan agar dibina sebuah khemah untuk Baginda. Apabila kedua-dua kumpulan (orang Islām dan orang Musyrik) bersemuka, Rasūlullāh ﷺ meluruskan barisan orang Islām, membakar semangat mereka untuk berperang, dan memotivasi mereka untuk mati syahid. Baginda bersabda:

والذي نفسي بيده، لا يقاتلهم اليوم رجل فيقتل
صابرا محتسبا مقبلا غير مدبرا إلّا أدخله الله الجنة

Maksudnya: "Demi Tuhan yang jiwaku di dalam genggaman-Nya, sesiapa yang memerangi mereka (tentera orang Musyrik) pada hari ini, kemudian dia terbunuh dalam keadaan penuh kesabaran dan ikhlas, terus maju, dan tidak lari dari

medan pertempuran, pasti Allah akan memasukkannya ke dalam syurga."

Setelah itu, Baginda pulang ke khemah bersama Abū Bakr dengan dikawal oleh Sa`d bin Mu`ādh yang siap menghunuskan pedangnya. Rasūlullāh ﷺ mula berdoa. Antara doa Baginda:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَنْشُدُكَ عَهْدَكَ وَوَعْدَكَ، اللَّهُمَّ إِنْ شِئْتَ لَمْ تُعْبَدْ بَعْدَ الْيَوْمِ

Maksudnya: "Ya Allah, aku menagih janji dan jaminan-Mu. Ya Allah, jika Engkau kehendaki (kehancuran pasukan Islām ini), Engkau tidak akan disembah lagi setelah hari ini."

Baginda memanjangkan sujudnya, sehingga Abū Bakr berkata: "Cukuplah wahai Rasūlullāh. Sesungguhnya engkau telah meminta dengan bersungguh-sungguh kepada Tuhamu."

Kemudian, peperangan meletus dan berakhir dengan kemenangan orang Islām. Kira-kira 70 orang Musyrik

telah terbunuh termasuk ketua mereka yang paling tegar dengan kesyirikannya iaitu Abū Jahl. Turut terbunuh sebahagian pemimpin mereka. Mereka yang ditawan pula kira-kira 70 orang. Baginda telah memerintahkan agar semua yang terbunuh dikebumikan. Baginda pulang ke Madīnah dan melakukan syura dengan para Ṣaḥābat Baginda tentang urusan tawanan perang. `Umar mencadangkan supaya mereka dibunuh. Abū Bakr pula mencadangkan supaya mereka menebus diri mereka. Rasūlullāh ﷺ menerima cadangan Abū Bakr. Oleh itu, orang Musyrik telah menebus tawanan mereka dengan harta.

Hikmah di Dalam Peperangan Badar

Peperangan Badar ini amat besar ertinya bagi agama Islām. Andai kata tentera Islām kalah dalam peperangan ini, maka tamatlah riwayat orang-orang Islām, malah agama Islām itu sendiri.

Kemenangan ini juga menguatkan lagi kedudukan Islām di Madīnah dan menambahkan keyakinan bahawa mereka adalah pihak yang benar. Mereka telah mula disegani dan ditakuti oleh kabilah-kabilah Arab lain dan digeruni oleh orang Yahudi dan Munāfiqīn Madīnah. Sebaliknya, pengaruh orang Quraysh Makkah mula lemah dan merosot.

Orang yang ditawan oleh tentera Islām pula, apabila mereka balik ke Makkah setelah dilepaskan, telah menceritakan kepada sahabat-sahabat dan keluarga tentang kebaikan orang Islām. Cerita ini dengan secara tidak langsung telah memberi pertolongan yang besar kepada perkembangan agama Islām di Makkah. Mereka yang selalunya menerima layanan buruk dari orang Quraysh secara diam telah berhijrah ke Madīnah dan memeluk agama Islām. Dengan ini, tentera Islām bertambah dari masa ke masa. Perang Badar telah memperkuatkan lagi kepercayaan orang Islām kepada Nabi Muḥammad ﷺ dan ajaran Islām. Mereka sanggup

berkorban jiwa untuk kepentingan Baginda dan agama Islām.

Ibrah Dari Badar Al-Kubrā

1. **Perjuangan Pasti Diuji**

   Menjadi lumrah apabila Islām berkembang, ia akan mendapat tentangan. Ini adalah sunnah perjuangan Islām yang dilalui oleh orang-orang yang terdahulu daripada kita. Ketika Islām lemah, mereka tidak mengendahkan orang Islām, tetapi apabila ia semakin kuat, mereka menganggu-gugat. Maka inilah yang berlaku kepada Rasūlullāh ﷺ di dalam peperangan Badar. Orang Islām keluar hanya untuk menyekat kafilah perniagaan yang membawa barang dagangan sahaja, bukan hendak berperang, maka Nabi ﷺ dan para Ṣaḥābat tidak akan mudah mengalah begitu sahaja demi maruah Islām.

2. Pertahan Islām, Bukan Agenda Peribadi

Ketika menghadapi saat genting, Baginda bermunajat dengan Allah demi survival Islām, bukan keselamatan Baginda dan keluarganya.

اللَّهُمَّ أَنْجِزْ لِي مَا وَعَدْتَنِي، اللَّهُمَّ آتِ مَا وَعَدْتَنِي، اللَّهُمَّ إِنْ تُهْلِكْ هَذِهِ الْعِصَابَةَ مِنْ أَهْلِ الْإِسْلَامِ لَا تُعْبَدْ فِي الْأَرْضِ

> "Ya Allah, tunaikanlah apa yang telah Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah, kurniakanlah apa yang telah Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah, jika binasa kumpulan dari orang Islām ini, nescaya tiada siapa lagi yang akan menyembah-Mu di dunia ini."

3. Lazimi Syura

Walaupun Baginda seorang Rasūl yang diberikan wahyu oleh Allah, namun Baginda diajar supaya di dalam satu keputusan besar, mesti diputuskan secara bersama. Baginda melakukan demikian untuk

mentarbiah umatnya untuk melazimi syura. Dengan bermesyuarat, insya-Allah di sana ada keberkatan. Ia amat berbeza dengan keputusan yang diputuskan secara bersendirian.

4. Taati Pemimpin

Sikap Ṣaḥābat daripada kalangan Anṣār dan Muhājirīn adalah contoh yang terbaik perlu diikuti, terutama saat getir yang memerlukan keputusan yang padu daripada semua pihak. Mereka mentaati apa sahaja arahan Rasūlullāh ﷺ bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Di dalam organisasi, tidak akan maju sekiranya ahli merasakan beliau lebih pandai daripada pemimpin organisasi.

5. Perancangan Rapi dan Berstrategi

Baginda ﷺ adalah seorang yang pakar dalam strategi peperangan. Ketika menyusun atur dalam peperangan tersebut, Baginda mengambil kira dari segi kekuatan dan kelemahan pihak Islām dan Kuffār.

6. **Munajat Doa Kepada-Nya**

Rasūlullāh ﷺ mengajar kita walaupun kita telah menyusun strategi yang terbaik, namun janganlah kita lupa kepada Allah تعالى untuk kita menyerahkan segala urusan kepada-Nya.

7. **Ḥusnu Al-Thiqah Billāh (Sangka Baik Dengan Allah)**

Sebagai umat Islām, kita mesti mempunyai sangka baik dengan Allah yang pasti membantu setiap hamba-Nya.

8. **Wehdah Asas Kejayaan**

Walaupun bilangan tentera Musyrikīn Makkah lebih ramai daripada tentera Islām, tetapi mereka tidak bersatu dan berbelah bagi antara takut dan berani. Sedangkan tentera Islām walaupun sedikit, tetapi bersatu hati dan bersatu azam untuk bersama Rasūlullāh ﷺ walaupun orang Muhājirīn terpaksa

berhadapan dengan kaum dan bangsa mereka sendiri. Pada mereka, ikatan Tauḥīd mengatasi segala-galanya. Dengan ini, sebagai orang Islām, kita harus bersatu demi untuk mencapai kemenangan.

Kaum Quraysh terlalu yakin yang mereka akan berjaya memusnahkan Islām yang memang sedikit dari jumlah, tetapi tidak dari semangat. Mereka tidak dapat mengalahkan tentera Islām kerana semangat tentera Islām begitu kukuh kerana Rasūlullāh ﷺ adalah pentadbir yang berkaliber dan pintar mengendalikan strategi peperangan. Orang Islām mempunyai pegangan iaitu berjaya di dunia atau mati syahid.

Penutup

Sebenarnya Ghazwah Badar telah mencatatkan pelbagai bentuk kemenangan dalam peperangan tersebut sama ada moral, jiwa, semangat, dan juga kemenangan hakiki bagi

umat Islām yang sudah sekian lama ditindas oleh Quraysh Makkah dan umat Islām ketika itu dianggap sebagai Mustaḍ`afīn. Tetapi, kemenangan berpihak kepada umat Islām kerana wujud pada mereka sifat dan syarat kemenangan menyebabkan mereka berjaya dengan cemerlang melakarkan kejayaan yang amat luar biasa.

Kesimpulan mudah mengenai peristiwa Ghazwah Badar ini adalah tiga hal yang utama; iaitu doa dan munajat hanya kepada Allah, kesatuan yang kukuh antara sesama Ṣaḥābat, dan mempunyai strategi serta perancangan yang rapi. Ramuan kejayaan ini terwujud pada tentera Islām Badar. Maka, amat wajar umat Islām menekuni semangat perang Badar untuk dihayati dan mengambil sebanyak mungkin ibrah dan pengajarannya.

والله أعلم

وصلّى الله على سيّدنا محمّد وعلى آله وصحبه وسلّم، والحمد لله ربّ العالمين